

**FAKTOR PENYEBAB BERLAKUNYA GANGGUAN  
KESEJAHTERAAN MENTAL PEKERJA  
PERKERANIAN DI OSK PROPERTY  
HOLDINGS BERHAD KETIKA  
BERHADAPAN DENGAN  
FENOMENA COVID-19**



**NUR QAMIELIEA NAJWA BINTI SHARUDIN  
BA19110805**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**FAKTOR PENYEBAB BERLAKUNYA GANGGUAN  
KESEJAHTERAAN MENTAL PEKERJA  
PERKERANIAN DI OSK PROPERTY  
HOLDINGS BERHAD KETIKA  
BERHADAPAN DENGAN  
FENOMENA COVID-19**

**NUR QAMIELIEA NAJWA BINTI SHARUDIN  
BA19110805**

**LATIHAN ILMIAH INI DISERAHKAN BAGI  
MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL  
DENGAN KEPUJIAN DALAM BIDANG  
HUBUNGAN INDUSTRI**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Faktor Penyebab Berlakunya Gangguan Kesejahteraan Mental Pekerja Perkeranian di OSK Property Holdings Berhad Ketika Berhadapan dengan Fenomena Covid-19 ini merupakan hasil usaha dan kerja keras saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

*qamielia*

---

**TARIKH: 12 OGOS 2022**

**(NUR QAMIELIEA NAJWA BINTI SHARUDIN)**

**BA19110805**

## PENGESAHAN

### FAKTOR PENYEBAB BERLAKUNYA GANGGUAN KESEJAHTERAAN MENTAL PEKERJA PERKERANIAN DI OSK PROPERTY HOLDINGS BERHAD KETIKA BERHADAPAN DENGAN FENOMENA COVID-19.

Oleh

**NUR QAMIELIEA NAJWA BINTI SHARUDIN**

**BA19110805**

Latihan ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian dalam bidang Hubungan Industri.



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**12 Ogos 2022**

**Penyelia**

**Tarikh**

**Dr. Kee. Y. Sabariah Bte Kee Mohd Yussof**

**Pensyarah Hubungan Industri**



**12 Ogos 2022**

**Dr. Kee Y. Sabariah Bte Kee Mohd Yussof**

**Tarikh**

**Ketua Program Hubungan Industri**

## **PENGHARGAAN**

Syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatnya saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Hubungan Industri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Kee Y. Sabariah Bte Kee Mohd Yussof yang telah banyak membantu saya dalam menjayakan penulisan tesis ini.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Pihak OSK property Holdings Berhad yang telah membenarkan saya untuk menjalankan kajian di organisasi mereka. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada syurga saya iaitu ibu saya, Puan Yuzlinda Binti Samsudin dan juga bapa saya, Encik Sharudin Bin Tapar yang banyak membantu saya dari segi fizikal dan mental sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan abang-abang saya, Encik Muhammad Shayuzwan Bin Sharudin dan Encik Muhammad Azrul Amri Bin Sharudin yang turut memberi sokongan kepada saya untuk melengkapkan kajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan istimewa dalam hidup saya, Encik Maslan Bin Mohd Hassan yang banyak meluangkan masa dan tenaga dalam membantu saya menyempurnakan kajian ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada rakan seperjuangan saya daripada program Hubungan Industri sesi 2019 sehingga 2022 yang telah memberi sokongan moral, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan.

Akhir kata daripada saya, semoga penyelidikan ini akan berguna dan boleh dijadikan panduan untuk semua pihak.

Sekian, Terima kasih.

Nur Qamieliea Najwa Binti Sharudin,  
BA19110805,  
Program Hubungan Industri,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Sabah.

## **ABSTRAK**

Berdasarkan Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia 2018, selaras dengan kemajuan negara kita yang kini berkembang, masalah kesihatan mental dan penyakit mental telah menjadi semakin bertambah dari semasa ke semasa dan terdapat peningkatan dari tahun ke tahun seterusnya. Gangguan kesihatan mental pekerja ini telah dialami oleh pekerja-pekerja di seluruh Malaysia terutama sekali dalam musim pandemik Covid-19. Hal ini dikatakan demikian kerana pekerja terpaksa berhadapan dengan norma baharu dalam musim pandemik Covid-19 ini. Oleh itu kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti faktor berlakunya gangguan kesejahteraan mental dan juga kesan akibat daripada gangguan tersebut. Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan adalah kualitatif. Pengkaji telah menemubual 5 orang informan yang bekerja sebagai kerani di OSK Property Holdings Berhad. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlakunya gangguan Covid-19 ini. Faktor ini wujud atas faktor individu atau organisasi itu sendiri. Hasil kajian juga mendapat bahawa terdapat kesan akibat daripada gangguan kesejahteraan mental dalam kalangan pekerja di OSK Property Holdings Berhad. Kesan ini berlaku rentetan daripada faktor berlakunya gangguan kesejahteraan mental tersebut.

Kata kunci: Kesihatan, Mental, Pekerja

## **ABSTRACT**

*Based on the Annual Report of the Ministry of Health Malaysia 2018, in line with the progress of our country which is currently growing, mental health problems and mental illnesses have increased over time and there is an increase from year to year. This employee's mental health disorder has been experienced by employees throughout Malaysia, especially during the Covid-19 pandemic season. This is said to be so because workers have to face new norms in this Covid-19 pandemic season. Therefore, this study was conducted to identify the factors that cause mental well-being disorders and also the effects of these disorders. In this study, the methodology used is qualitative. The researcher interviewed 5 informants who work as clerks at OSK Property Holdings Berhad. The results of the study found that there are various factors that cause the occurrence of this Covid-19 disorder. This factor exists on the individual or organizational factor itself. The results of the study also found that there is an effect as a result of mental well-being disorders among employees at OSK Property Holdings Berhad. This effect occurs in a series of factors that cause mental well-being disorders.*

*Keywords: Health, Mental, Workers*

## SENARAI KANDUNGAN

<b>BAHAGIAN</b>	<b>HALAMAN</b>
PENAKUAN PELAJAR	i
PENGESAHAN LATIHAN ILMIAH	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi-viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Latarbelakang Kajian	3-4
1.3 Permasalahan Kajian	4-6
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6-7
1.6 Kepentingan Kajian	7-8
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Definisi Konsep	8
1.8.1 Kesihatan Mental	8
1.8.2 Norma Baharu	8
1.8.3 Covid-19	9
1.9 Pembahagian dalam Tesis	9-10
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR DAN PEMBENTUKAN HIPOTESIS</b>	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Sorotan Literatur	11-15
2.2.1 Faktor-faktor yang Menyebabkan Gangguan Kesihatan Mental	15-17



Berlaku dalam Kalangan Pekerja	
2.2.2 Kesan Kesihatan Mental kepada Pekerja	17-18
2.3 Kerangka Konseptual	19
2.4 Kesimpulan	20
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	21-22
3.2 Rekabentuk Kajian	22
3.2.1 Kaedah Kajian Kualitatif	23-24
3.2.2 Lokasi Kajian	24-25
3.2.2.1 Teknik Persampelan	25
3.2.2.2 Prosedur Pengumpulan Data	25-26
3.2.2.3 Kaedah Pengumpulan Data	27-28
3.2.2.4 Analisis Kajian	28-30
3.3 Kesimpulan	30
<b>BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	31
4.2 Latarbelakang Informan	31-32
4.3 Demografi Informan	32
4.3.1 Gender Informan	32-33
4.3.2 Umur Informan	33
4.3.3 Tempoh Perkhidmatan	34
4.4 Latarbelakang Syarikat	34-35
4.5 Mengkaji Faktor-faktor yang Menyebabkan Kesihatan	35
Mental Berlaku dalam Kalangan Pekerja	

4.5.1 Cabaran dan Proses Kerja Organisasi Dalam Musim Covid-19	35-39
4.5.2 Kesihatan Mental	39-41
4.5.3 Pandemik dan Kesihatan Mental	42
4.5.4 Perintah Kawalan Pergerakan dan Kesihatan Mental Pekerja	42-43
4.6 Mengenalpasti Kesan Kesihatan Mental terhadap Pekerja	43
4.6.1 Lesu Upaya dalam Kalangan Pekerja	43-45
4.6.2 Kebimbangan Melampau dalam Kalangan Pekerja	45-46
4.6.3 Tekanan Pekerjaan dalam Musim Pandemik Covid-19	46-48
4.6.4 Pengasingan dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan	48-49
4.6.5 Ketidakpastian dan Perasaan Bimbang	49-51
4.6.6 Jangkitan Covid-19 dan Kesihatan Mental	52-54
4.6.7 Lesu Upaya Ketika Bekerja	54-57
4.7 Rumusan Bab	57
<b>BAB 5: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN</b>	
5.1 Pengenalan	58
5.2 Perbincangan Objektif Kajian	58
5.2.1 Perbincangan Objektif 1	58-64
5.2.2 Perbincangan Objektif 2	64-67
5.2.3 Rumusan Menyeluruh Objektif	67
5.3 Perkembangan Analisis Kerangka	68
5.4 Implikasi Kajian	69
5.5 Limitasi Kajian	69-70
5.6 Cadangan	70
5.6.1 Cadangan kepada Pihak Majikan	70-72

5.6.2 Cadangan kepada Pihak Pekerja	74-75
5.6.3 Cadangan kepada Pengkaji Akan Datang	75-76
5.7 Rumusan	76



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

JADUAL		HALAMAN
Jadual 2.1	Pengaruh Norma Bahru Terhadap Kesihatan Mental Pekerja	19
Jadual 3.2	Faktor penyebab kesihatan mental terhadap kebimbangan, lesu upaya dan tekanan pekerjaan dalam musim pandemik Covid-19	30
Jadual 4.1	Maklumat Informan	32
Jadual 4.2	Gender Informan	32-33
Jadual 4.3	Umur Informan	33
Jadual 4.4	Tempoh Perkhidmatan Informan	34
Jadual 5.1	Faktor Gangguan Kesihatan Mental Pekerja	59
Jadual 5.2	Kesan Gangguan Kesihatan Mental terhadap Pekerja	64



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH DAN GAMBAR

<b>RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 2.1 Pengaruh Norma Baharu terhadap Kesejahteraan Mental Pekerja	19
Rajah 3.1 Pembentukan Tema Bentuk Faktor-Faktor yang Menyebabkan Masalah Kesihatan Mental Berlaku dalam Kalangan Pekerja di Dalam Musim Pandemik Covid-19.	29
Rajah 5.1 Perkembangan Analisis Kerangka	68
<b>GAMBAR</b>	
Gambar 3.1 OSK Property Holdings Berhad	24



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI SINGKATAN**

MHPSS - Mental Health Psychosocial Support Services

PDRM - Polis Diraja Malaysia

KKM - Kementerian Kesihatan Malaysia

CoV - Coronavirus

WHO - World Health Organization

UMS - Universiti Malaysia Sabah

FSSK - Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

PKP - Perintah Kawalan Pergerakan

UM - Universiti Malaya



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **Tajuk Kajian**

Faktor Penyebab Berlakunya Gangguan Kesejahteraan Mental Pekerja Ketika Berhadapan dengan Fenomena Covid-19.

### **1.1 Pengenalan**

Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak tumpuan diberikan terhadap masalah kesihatan mental (Zuraidah Abdullah, 2021). Berdasarkan Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia 2018, selaras dengan kemajuan negara kita yang kini berkembang, masalah kesihatan mental dan penyakit mental telah menjadi semakin bertambah dari semasa ke semasa dan terdapat peningkatan dari tahun ke tahun seterusnya. Menurut Mental Health Psychosocial Support Services (MHPSS), peningkatan yang ketara dalam kadar bunuh diri dan penyakit mental sejak sedekad lalu berpunca daripada tahap kesihatan mental yang lemah dapat dilihat. Sumber daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati, terdapat peningkatan dalam kes bunuh diri yang dilaporkan pada tahun 2020 iaitu sebanyak 631 kes berbanding 609 kes pada tahun 2019. Sehingga Mac 2021, sejumlah 336 kes bunuh diri telah dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia. Oleh itu, Mental Health Psychosocial Support Services (MHPSS) telah menyatakan bahawa ia adalah penting untuk rakyat Malaysia menyedari tentang pentingnya kesedaran terhadap penyakit mental, kepentingan memelihara tahap kesihatan mental yang baik dan mengenalpasti gejala-gejala awal berkaitan dengan masalah kesihatan mental yang memerlukan intervensi dan rawatan.

Sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2012, kesihatan mental adalah berkait dengan perbezaan budaya, penilaian yang subjektif dan teori professional telah mempengaruhi cara bagaimana kesihatan mental

ditakrifkan. Kesihatan mental adalah satu keadaan yang sejahtera di mana seseorang individu dapat menyedari tentang keupayaan diri, dapat mengendalikan tekanan dengan baik, dapat bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat sekeliling. Sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (2012) juga menyatakan bahawa kesihatan mental adalah asas kepada kesejahteraan individu dan kemampuan masyarakat berfungsi secara efektif. Kesihatan mental adalah ekspresi emosi dan melambangkan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai tekanan dan tuntutan hidup.

Walau bagaimanapun, tidak terdapat garis penentu yang jelas dalam membezakan antara mereka yang mempunyai kesihatan mental yang baik dan juga mereka yang tidak. Terdapat banyak tahap dalam kesihatan mental. Tiada satu kriteria yang boleh digunakan untuk membuktikan kesihatan mental yang baik. Tiada seorang individu pun yang mempunyai semua ciri-ciri kesihatan mental yang baik pada setiap masa. Ia banyak bergantung kepada faktor individu, sosial dan persekitaran. Terdapat beberapa faktor sosial, psikologikal dan biologikal yang menentukan tahap kesihatan mental seseorang pada satu-satu masa. Kesihatan mental boleh terjejas disebabkan masalah sosio-ekonomi, pertukaran keadaan persekitaran/sosial secara mendadak, tekanan di tempat kerja, dan penyakit fizikal. Tidak seperti masalah kesihatan mental, mereka yang mempunyai penyakit mental pula mengalami satu keadaan dimana tahap mental seseorang itu menyebabkan fungsi seharian individu itu terjejas sama ada dari segi sosial atau pun pekerjaan.

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat faktor-faktor penyebab berlakunya gangguan kesejahteraan mental pekerja dalam berhadapan dengan situasi pandemik Covid-19. Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, Covid-19 ini adalah singkatan bagi Coronavirus (CoV) iaitu sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19). Jangkitan Coronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk (Glass et al., 2020). Virus ini telah menjadi pandemik yang merbahaya kepada seluruh masyarakat. Akibat daripada pandemik ini, hampir semua rakyat telah diarahkan untuk bekerja dari rumah secara maya bagi mengelakkan penularan jangkitan Covid-19 tersebut. Oleh itu, dalam kajian ini juga pengkaji juga akan



mengkaji pengaruh bekerja dalam norma baharu dengan kesannya terhadap kesejahteraan dan kesihatan mental pekerja dalam sektor hartanah di Syarikat OSK Property Holdings Sdn. Bhd yang terletak di Kuala Lumpur. Kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti bentuk tekanan yang wujud dalam kalangan pekerja tersebut.

## **1.2 Latarbelakang Kajian**

Menurut Landy dan Conte (2004), pekerjaan sangat penting untuk perkembangan hidup manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, pekerjaan yang diperolehi akan membantu dalam menyalurkan kehidupan diri sendiri yang semakin mencabar khususnya pada ketika ini. Di era pandemik ini, hampir semua pihak terjejas tidak terkecuali pekerja di sektor hartanah. Pekerja bukan sahaja terganggu dari aspek fizikal tetapi juga aspek mental. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk melihat faktor-faktor penyebab berlakunya gangguan kesejahteraan mental pekerja dalam berhadapan dengan situasi pandemik Covid-19. Kajian ini juga dijalankan bagi mengenalpasti bentuk tekanan yang wujud dalam kalangan pekerja tersebut. Dalam kajian ini juga pengkaji akan mempersembahkan segala bentuk faktor yang wujud dalam pandemik Covid-19 ini. Faktor-faktor tersebut merupakan faktor berlakunya gangguan kesejahteraan mental dalam kalangan pekerja. Kajian ini juga akan menyatakan norma baharu yang juga menjadi faktor terhadap kesejahteraan mental pekerja di sektor hartanah tersebut.

Kajian ini juga akan mempersembahkan bentuk gangguan kesejahteraan mental yang dihadapi oleh pekerja sektor hartanah. Kajian ini juga akan membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, skop kajian, kepentingan kajian serta definisi operasi yang digunakan dalam kajian ini. Menurut Landy dan Conte (2004), pekerjaan sangat penting untuk perkembangan hidup seseorang manusia. Kerja adalah keperluan manusia yang mesti dipenuhi khususnya untuk mencapai keperluan kesempurnaan diri.

Menurut Steers (1991) individu bekerja mengharapkan gaji yang baik, faedah lain yang ditawarkan, peluang kenaikan pangkat, kemajuan diri, sokongan rakan sekerja, pengiktirafan terhadap pekerjaan yang telah dilakukan dan majikan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pekerjanya. Namun, kewujudan satu pandemik baharu iaitu pandemik Covid-19 telah mengubah norma baharu kehidupan seseorang pekerja. Dalam satu kajian yang dibuat oleh Salima Hamouche pada tahun 2020 yang

bertajuk "COVID-19 and employees' mental health: stressors, moderators and agenda for organizational actions". Dalam kajian ini pengkaji mengkaji kesan norma baharu akibat pandemik Covid-19 terhadap kesihatan mental seseorang individu yang bergelar pekerja. Hasil kajian mendapati ramai pekerja menghadapi masalah kesihatan mental seperti kelesuan, burnout, kemurungan akibat kewujudan norma baharu dalam musim pandemik Covid-19 ini. Ini jelas menunjukkan bahawa norma baharu merupakan salah satu punca berlakunya isu kesejahteraan mental (Hamouche, 2020). Kewujudan pandemik ini telah memberikan tekanan kepada mental seseorang pekerja.

Tekanan kerja akan berlaku apabila pekerja berhadapan dengan permintaan dan tuntutan pekerjaan yang tidak sesuai dengan kemahiran dan pengetahuan mereka seterusnya menjadi satu cabaran yang perlu diatasi oleh mereka (Leka, Griffiths dan Cox, 2004). Jika dikaitkan kenyataan ini dengan situasi yang berlaku, sudah tentu ia jelas menunjukkan bahawa terdapat faktor-faktor yang wujud akibat pandemik Covid-19 ini yang telah memberikan kesan negatif terhadap kesejahteraan mental seseorang pekerja itu.

Bukan itu sahaja, norma baharu yang wujud telah memberikan tekanan kepada pekerja. Norma baharu seperti bekerja dari rumah dan secara atas talian sudah tentu membebankan pekerja yang kurang berkemahiran dalam penggunaan teknologi, pekerja yang kurang berpengetahuan juga menghadapi masalah kerana mereka tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut secara berhadapan akibat perlunya bekerja dari rumah. Ketiadaan interaksi sosial antara pekerja juga sudah tentu membebankan kerana kurangnya soal jawab dan penyelesaian masalah secara berhadapan dan bersama. Oleh itu kajian ini telah dijalankan bagi mengenalpasti apakah faktor-faktor berlakunya gangguan kesejahteraan mental dalam kalangan pekerja di OSK Property Berhad, Kuala Lumpur.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Kesihatan dan kesejahteraan mental seseorang pekerja memainkan peranan penting dalam sesebuah organisasi untuk terus berdaya saing bagi mencapai matlamat organisasi. Oleh itu, mental seseorang pekerja hendaklah berada dalam keadaan baik tanpa sebarang tekanan bagi memastikan organisasi berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Menurut Deloitte (2020) pada masa sekarang, akibat daripada

kewujudan norma baharu ini, maka wujud pelbagai faktor baharu yang menjadi punca kepada kemerosotan kesejahteraan mental seseorang pekerja. Sebagai contohnya, kewujudan norma baharu seperti bekerja dari rumah menyebabkan pekerja perlu menyelesaikan tugas mereka bersama dengan tanggungjawab tambahan yang mereka miliki di rumah mereka dan ketidakpastian, yang telah mengaburkan garis halus antara kehidupan kerja dan kehidupan peribadi. Hal ini sudah tentu akan memberikan tekanan kepada pekerja kerana akan wujudnya faktor-faktor yang menjadi penyebab kepada kemerosotan kesejahteraan mental pekerja. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji adakah bekerja dalam norma baharu telah menimbulkan isu kesihatan mental pekerja dalam sektor hartanah di Syarikat OSK Property Holdings Sdn. Bhd?

Di dalam sesebuah organisasi pula, unsur kesihatan dan kesejahteraan mental ini penting bagi memastikan produktiviti pekerja meningkat dan juga hasil kerja berkualiti. Walaubagaimanapun, kewujudan norma baharu dalam pandemik Covid-19 ini telah memberikan cabaran buat para pekerja kerana mereka sukar untuk mengaplikasikan norma baharu tersebut ketika bekerja. Berdasarkan penulisan lepas yang ditulis oleh Lauren J. Davenport (2016), yang berjudul "How can organisations help employees thrive? The development of guidelines for promoting positive mental health at work" telah menyatakan satu teori yang menyatakan bahawa pekerja yang mempunyai kesihatan mental yang baik akan mempunyai prestasi kerja yang baik, hubungan sosial yang baik dan juga mampu mewujudkan persekitaran yang positif. Walaubagaimanapun, dalam musim pandemik Covid-19 ini, prestasi kerja di OSK Property Holdings Berhad, Kuala Lumpur dikatakan merundum dan punca utamanya adalah kerana kesihatan mental yang kurang baik. Kesihatan mental yang kurang baik berlaku atas pelbagai sebab seperti ketidaktentuan pekerjaan, bekerja dari rumah, sekatan pergerakan dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, jika dikaitkan teori ini dengan musim Covid-19 ini, dapat dilihat bahawa banyak faktor baharu yang wujud yang telah menjadi penyebab kepada kemerosotan kesejahteraan mental seseorang pekerja. Sebagai contohnya, pekerja perlu melalui pelbagai ketidakpastian dan risiko yang akhirnya mempengaruhi kecergasan mental mereka seperti menyebabkan kemurungan (WHO, 2019). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji apakah faktor-faktor yang menyebabkan kesihatan mental berlaku dalam kalangan pekerja?

Isu kesihatan mental ini memang kerap kali kita dengari dalam sehari-harian tetapi kajian ini berfokus terhadap isu kesihatan mental dalam musim Covid-19 kerana dalam musim Covid-19, kita seringkali mendengar bahawa banyak kes-kes kemurungan yang berlaku dalam kalangan pekerja (Emily Tompa, 2020). Covid-19 telah memberikan tekanan yang sangat kuat terhadap semua pekerja. Pekerja perlu berhadapan dengan banyak cabaran dalam musim Covid-19. Oleh itu, pengkaji memfokuskan kajian hanya dalam musim pandemik Covid-19 sahaja agar data yang dihuraikan adalah lebih terperinci, mendalam dan tepat.

Pengkaji juga ingin mengkaji isu ini kerana jika dilihat dalam kajian-kajian lepas, kebanyakan kajian hanya berfokus terhadap isu kesihatan mental pekerja barisan hadapan sahaja walaupun sebenarnya isu kesihatan mental pekerja seperti lesu upaya, keresahan dan juga kemurungan wujud dalam kalangan pekerja di sektor lain (Gonzalez et al., 2020). Pengkaji sebelum ini kurang fokus terhadap isu kesihatan mental bagi pekerja di sektor lain seperti sektor perbankan, sektor hartanah dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji berasa bahawa kajian ini sangat diperlukan kerana isu kesihatan mental bagi pekerja di sektor hartanah ini belum diterokai sepenuhnya dan kajian terhadap perkaitan 2 aspek utama ini perlu dibuat. Oleh itu, kajian ini dibuat bagi mengenalpasti apakah perkaitan antara faktor penyebab kesihatan mental terhadap kebimbangan, lesu upaya dan tekanan pekerjaan?

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan dua persoalan yang akan menjadi panduan dalam menyempurnakan kajian ini. Secara keseluruhannya, persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Apakah faktor -faktor yang menyebabkan kesihatan mental berlaku dalam kalangan pekerja kerani di Syarikat OSK Holdings Property Berhad, Kuala Lumpur.
- ii. Apakah kesan kesihatan mental terhadap pekerja perkeranian di Syarikat OSK Property Holdings Berhad, Kuala Lumpur?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif ialah sasaran sebenar penyelidik yang boleh dicerap. Berbeza dengan matlamat kerana objektif adalah lebih khusus dan digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Objektif menjadi tujuan khusus yang perlu dicapai dan disebabkan itu, objektif perlu dinyatakan dengan jelas supaya dapat menunjukkan apa yang hendak dicapai. Berikut merupakan objektif kajian yang ingin dicapai:

- i. Mengkaji faktor -faktor yang menyebabkan kesihatan mental berlaku dalam kalangan pekerja.
- ii. Mengenalpasti kesan kesihatan mental terhadap pekerja perkeranian di Syarikat OSK Property Holdings Berhad, Kuala Lumpur.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Hasil penemuan daripada kajian yang dilakukan mampu memberi manfaat kepada pihak-pihak tertentu di mana kajian ini pertama sekali akan memberi manfaat kepada penyelidik untuk mengetahui apakah kesan pekerjaan dalam norma baharu terhadap kesihatan dan juga kesejahteraan mental pekerja. Di samping itu ia juga dapat merungkai beberapa jenis faktor kepada tekanan mental pekerja yang wujud akibat norma baharu dalam pandemik Covid-19 ini.

Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi membuat satu penulisan bagi mengisi jurang kajian yang belum dikaji. Oleh sebab isu ini merupakan satu isu baharu, maka kurang penulisan berkaitan kajian ini. Kajian sebelum ini banyak berfokus terhadap budaya-budaya dalam organisasi yang menyebabkan berlakunya masalah kesihatan mental (Marchandet,2013). Bukan itu sahaja, kajian lepas yang ditulis oleh Rebecca E. Gewurtz (2020) mengkaji tentang sokongan emosi yang boleh diberikan kepada pekerja yang berhadapan dengan kesihatan mental. Kajian lepas juga membincangkan tentang sikap keadilan organisasi dan kesihatan mental pekerja (Sumita Rai, 2014). Kurang kajian yang membincangkan tentang faktor berlakunya masalah mental ini terutama sekali dalam waktu terkini iaitu waktu pandemik Covid-19. Oleh itu, kajian yang baru perlu dibuat bagi mengisi jurang yang belum dibuat. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji isu baharu yang sedang berlegar dalam kalangan masyarakat iaitu kesan norma baharu dalam pandemik Covid-19 terhadap kemerosotan kecergasan mental pekerja. Isu ini perlu dikaji kerana kurangnya perbincangan tentang isu kesihatan mental dalam musim pandemik Covid-19 ini.

Selanjutnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji satu bahagian kajian yang belum diisi oleh penulis sebelum ini. Berdasarkan tajuk yang dipilih oleh pengkaji, dapat dilihat bahawa kajian-kajian lepas banyak berfokus terhadap aspek kesihatan mental pekerja di bahagian kesihatan dan tidak bagi bahagian hartanah. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji aspek kesihatan mental pekerja dalam sektor hartanah bagi mengisi kekurangan pengkaji terdahulu. Di samping itu, diharapkan kajian ini dapat membantu pihak yang terlibat dalam kajian ini untuk melihat perkaitan adalah norma baharu dengan kesannya terhadap kesihatan mental pekerja. Hal ini dikatakan demikian kerana, isu ini merupakan isu yang membabitkan kesihatan seseorang. Walaupun ia bukan daripada aspek fizikal dan hanya mental tetapi ia masih perlu dititikberatkan. Oleh itu, kajian ini juga dibuat bagi memberikan kesedaran kepada pengkaji pada masa hadapan atau pembaca.

### **1.7 Skop Kajian**

Skop Kajian ini hanya berfokus terhadap pekerja perkeranian di sektor hartanah di Syarikat OSK Property Holdings Berhad yang terletak di Kuala Lumpur. Kajian ini juga hanya berfokus terhadap bahagian kesejahteraan mental yang bermaksud pengkaji hanya melihat faktor-faktor berlakunya masalah gangguan kesejahteraan mental dalam kalangan pekerja kerani di OSK Property Holdings Berhad, Kuala Lumpur.

### **1.8 Definisi Konsep**

Bahagian ini akan membincangkan definisi konsep yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Berikut merupakan definisi konsep tersebut.

#### **1.8.1 Kesihatan Mental**

Kesihatan mental membawa pengertian berkenaan soal yang nisbi iaitu penyesuaian sosial yang berbeza mengikut tempat dan waktu yang dimiliki oleh seseorang dalam pelbagai tahap. (Hassan Langgulung)

#### **1.8.2 Norma Baharu**

Norma Baru adalah istilah yang terhasil daripada penyesuaian proses semasa dalam wabak COVID-19. Manusia akan mempunyai tabiat baru hasil daripada pembelajaran proses dan proses penyesuaian selepas pandemik COVID-19. (Andria Praghlapati, 2021)

### **1.8.3 Covid-19**

Covid-19 ini adalah singkatan bagi Coronavirus (CoV) iaitu sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan.

## **1.9 Pembahagian dalam Tesis**

Secara keseluruhannya, pada permulaan bab iaitu bermula bab 1, perbincangan kajian dimulakan dengan menerangkan latar belakang mengenai definisi kesihatan mental dalam kalangan pekerja serta mengitikan ia dengan faktor berlakunya masalah kesihatan mental. Permasalahan kajian juga dikaitkan dengan kebimbangan, lesu upaya dan juga tekanan dalam kalangan pekerja. Hal ini berkait rapat dengan masalah kesihatan mental. Dalam bab 1 juga akan dinyatakan tentang tujuan kajian dijalankan dan mengapa pekerja di sektor hartanah yang dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Permasalahan kajian juga dilakukan dengan melihat isu-isu semasa yang berlaku dalam organisasi ini terutamanya yang dilihat relevan dengan tajuk kajian yang dipilih. Sehubungan dengan subjek utama kajian adalah pekerja di sektor hartanah maka penyelidik telah menetapkan dua persoalan kajian yang ingin dikaji. Pertama, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kesihatan mental berlaku dalam kalangan pekerja dan kedua, apakah perkaitan antara faktor penyebab kesihatan mental terhadap kebimbangan, burnout dan tekanan pekerjaan. Selain itu, kepentingan kajian dan skop kajian juga telah diterangkan dalam bab ini. Bagi aspek pendefinisian mengenai setiap perkataan "penting" turut dimuatkan dalam bab satu bagi mengalakkan kekeliruan mengenai makna-makna perkataan yang akan digunakan dalam kajian.

Dalam bab 2 pula, perbincangan lebih menjurus terhadap pelbagai aspek kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan penyelidik pada masa kini. Kajian-kajian lepas yang diperolehi daripada ahli-ahli akademik terdahulu dilakukan untuk dijadikan panduan dalam melakukan kajian ini. Oleh itu, perbezaan



antara kajian-kajian lepas yang telah dijalankan dapat dilihat melalui bab dua ini. Selain itu, berdasarkan kajian lepas juga kerangka teoritikal telah dibentuk oleh penulis bagi mengkaji dengan lebih mendalam mengenai faktor berlakunya gangguan kesejahteraan mental dalam kalangan pekerja di sektor hartanah dalam Syarikat OSK Property Holdings Berhad, Kuala Lumpur.

Dalam bab tiga pula, pengkaji membincangkan tentang pendekatan metodologi penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji sepanjang kajian ini dijalankan. Melalui bab ini juga pengkaji menjelaskan tentang kaedah yang digunakan iaitu kaedah kualitatif untuk mendapatkan data yang sempurna. Dengan itu, bahagian ini telah membincangkan tentang alat atau kaedah yang sesuai untuk digunakan untuk memproses dan menganalisis dapatan kajian. Oleh itu, pemilihan kaedah atau teknik analisis data yang sesuai dapat memudahkan pengkaji menganalisis setiap dapatan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Di samping itu, bab empat pula membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang dianalisis daripada hasil kaedah temu bual. Dalam bab ini juga penyelidik akan melihat sama ada dapatan kajian tersebut dapat menyokong teori seperti yang ditunjukkan dalam kajian-kajian lepas ataupun tidak.

Bab lima merupakan bab yang terakhir meliputi perbincangan keseluruhan objektif kajian sama ada tercapai atau tidak, memaparkan implikasi kajian, cadangan dan kesimpulan. Selain itu, penyelidik akan memberi cadangan yang merangkumi penambahbaikan untuk kajian pada masa akan datang dan yang terakhir sekali ialah kesimpulan yang akan merumuskan tentang hasil kajian yang telah diperolehi sepanjang penyelidikan ini dijalankan.